

CIPTA ALAT KESAN KULAT CANDIDA

■ Penyelidik UPM ambil masa tiga tahun bangunkan CanDetect

Syazwan Msar

mohdsyazwan@hmetro.com.my

Serdang

Penyelidik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM) mencipta alat yang mampu mengesan kulat Candida iaitu punca kepada kerosakan organ dalaman yang penting untuk rawatan pesakit kanser dan AIDS.

Alat yang diberi nama CanDetect itu mengambil masa tiga tahun penyelidikan sebelum berjaya dihasilkan dengan berperanan mengesan kulat pada tahap sensitiviti yang tinggi.

Penyelidik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM Dr Than Leslie Thian Lung berkata, alat itu dapat membantu ahli perubatan menggunakan ubat atau antibiotik yang bersesuaian bagi mengubati penyakit kulat.

"Sebelum ini, ada alat yang mampu mengesan kulat tetapi sensitiviti atau kepekaannya terlalu rendah menyebabkannya tidak boleh mengesan penyakit lain.

"Menerusi alat ini, kita bo-

leh mengesan lebih awal kulat yang terdapat pada manusia sebelum menggunakan ubat bersesuaian bagi mengubati penyakit berkenaan berbanding sebelum ini ada antaranya yang sukar untuk dikesan kerana tiada produk bersesuaian.

"Keadaan itu menyebabkan pesakit terutamanya

yang menghidap kanser dan HIV mudah terkena penyakit dan sukar pula dirawat kerana kulat Candida hanya boleh dikesan menggunakan alat yang mempunyai tahap sensitiviti tinggi saja," katanya ketika ditemui di sini, kelmarin.

Beliau berkata, produk berkenaan sudah dipaten-

FOTO: SAIFULLIZAN TAMADI

kan namun belum dipasarkan secara meluas dan jika boleh digunakan nanti mampu membantu pesakit yang mempunyai sistem imuniti lemah untuk mengesan penyakit kulat.

"Kami mencipta alat ini untuk memberi kemudahan kepada pesakit mendapatkan rawatan awal menggunakan ubatan bersesuaian sekali gus dapat mengelak daripada merebak hingga membawa maüt," katanya.

Sementara itu, penyelidik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM Prof Madya Dr Cheah Yoke Kqueen bersama Prof Madya Dr Tan Geok Chin, Dr Noorzaleha Awang Saleh dan Dr Khoo Chai Hoon berjaya mencipta produk agen pengecilan tumor daripada bakteria [*Salmonella Agona*] dalam tumbuhan.

Penggunaan bakteria itu tidak menghasilkan toksik berlebihan selain tidak mendatangkan kesan sampingan kepada pesakit.

"Kajian terhadap haiwan sudah dilakukan bagi melihat tindak balas agen dan ia menunjukkan tanda positif dan bersesuaian.

"Agen yang dihasilkan boleh memusnahkan sel kanser tanpa mengganggu sel yang tidak dijangkiti virus berkenaan," kata Dr Cheah.

Beliau berkata, agen berkenaan juga berperanan mengecilkan sel kanser.



DR Than bersama alat pengesanan kulat CanDetect.

FAKTA
Kulat Candida hanya boleh dikesan menggunakan alat yang mempunyai tahap sensitiviti tinggi saja